

PANDUAN KAWALAN SIPUT GONDANG EMAS (*Pomacea s.p*)



PAKEJ PENINGKATAN HASIL PADI



Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

SIPUT GONDANG EMAS

- Perosak tanaman padi utama di Malaysia.
- Perosak penting di sawah-sawah padi di Taiwan, Jepun, Filipina, Thailand dan Indonesia.
- Berasal dari kawasan paya dan sungai di Argentina dan Brazil di Amerika Selatan.
- Terdapat 2 jenis Siput Gondang Emas :
 - a) *Pomacea canaliculata*
 - b) *Pomacea incerlarus*



Pomacea canaliculata

Pomacea incerlarus

TELUR SIPUT GONDANG EMAS

- Telur siput yang baru bertelur berwarna merah jambu terang.
- Bertukar menjadi merah jambu muda apabila hampir menetas.
- Telur mula menetas diantara 7-15 hari.
- Penetasan mengambil masa selama 5 hari.



PERINGKAT ANAK TETAS

- Mempunyai cengkerang yang lembut dan mudah jatuh ke dalam air.
- Cengkerang mua keras dalam tempoh 2 hari.
- Anak siput mula bergerak apabila mencapai saiz 5mm.



PERINGKAT DEWASA

- Memakan padi dan rumpai.
- Cepat membesar dan matang dalam masa 75-90 hari serta sedia mengawan.
- Cengkerang berwarna kuning keemasan atau hitam.
- Jangka hayat adalah 3-5 tahun.



KESAN SERANGAN SIPUT GONDANG EMAS

- Kerosakan berlaku apabila siput memakan anak padi yang baru tumbuh (2-4 minggu selepas tabur).
- Siput memakan anak padi sampai ke pangkal pokok menyebabkan pokok padi tidak dapat pulih.
- Serangan siput membentuk tompok-tompok dalam sawah seperti anak benih tidak tumbuh. Purata semula perlu dilakukan jika serangan teruk.
- 1 ekor siput dapat memusnahkan 1 meter persegi anak padi (7 hari selepas tabur).
- Tempoh kritikal serangan siput gondang emas hanya terhad kepada 4 minggu pertama selepas tabur.
- Serangan yang teruk boleh menyebabkan kehilangan sehingga 93% hasil padi.



1) KAWALAN SECARA FIZIKAL

- Kumpul kelompok telur dan siput bagi semua peringkat umur.
- Guna perangkap @ jaring pada saluran air masuk dan keluar.
- Guna umpan (kulit nangka, kulit cempedak, daun ubi kayu, kangkong dan lain-lain).
- Guna pacang kayu untuk siput bertelur bagi memudahkan kutipan telur.
- Kempen dan gotong - royong (beli siput & telur siput).



2) KAWALAN MELALUI AMALAN PERTANIAN

- Tanah mesti rata dan tidak berlopak semasa menabur benih padi kerana siput menyerang di kawasan berlopak.
- Amalan tabur terus dapat mengurangkan serangan. Air dimasukkan semual 7-10 hari selepas tabur.



3) PENGUBAHUAIAN HABITAT

- Bina parit kecil (20cm lebar dan 5cm dalam) keliling petak dan di tengah sawah bagi menggalakkan siput berkumpul.
- Siput yang berkumpul di dalam parit boleh diracun atau dikutip untuk dimusnahkan.



4) KAWALAN BIOLOGI

Lepas itik ke sawah sebelum menabur dan 35 hari selepas menabur.
Itik dikeluarkan sebelum tangkai padi keluar iaitu 75-80 hari selepas tabur.



5) KAWALAN KIMIA

- Jenis racun
 - a) Bahan Aktif: Metaldehyde
 - b) Bahan Aktif: Niclosamide ethanolamide
- Kajian yang dilaksanakan menunjukkan kebanyakan racun yang diuji berkesan mengawal serangan.
- Bagi mendapatkan kawalan berkesan, air mesti ditakung sekurang-kurangnya 2 hari sebelum meracun bagi mengeluarkan siput dari dalam tanah.
- Air mesti ditakung sekurang-kurangnya 3 hari selepas meracun.



Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

SILA HUBUNGI PEGAWAI KADA DI KAWASAN ANDA